



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL. 3/2021 (Pindaan No.1)

**PENGECEUALIAN CUKAI PERKHIDMATAN
KE ATAS PERKHIDMATAN PEMBROKERAN BERKAITAN DAGANGAN SAHAM**

- 1 Menggantikan para 2.2 kepada berikut:

Selaras dengan pengecualian tersebut, penyedia perkhidmatan diluluskan pengecualian daripada mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pembrokeran berkaitan dagangan saham berdasarkan subseksyen 34(4), Akta Cukai Perkhidmatan 2018;

- 2 Menggantikan keseluruhan para di ruang JAWAPAN, butiran 7, Soalan Lazim (FAQ) Berkaitan Perkhidmatan Pembrokeran Dagangan Saham seperti berikut:

BIL	SOALAN	JAWAPAN
7	<p>Perkhidmatan pembrokeran berkaitan dagangan saham dikecualikan CP, adakah penyedia perkhidmatan boleh berhenti daripada berdaftar?</p> <p>Adakah penyedia perkhidmatan masih perlu menghantar penyata?</p>	<p>Penyedia perkhidmatan pembrokeran ke atas dagangan saham masih bertanggungjawab untuk berdaftar di bawah Seksyen 12, Akta Cukai Perkhidmatan 2018.</p> <p>Penyedia perkhidmatan pembrokeran ke atas dagangan saham perlu menghantar penyata SST-02 walaupun tiada nilai cukai yang perlu dibayar bagi perkhidmatan pembrokeran berkaitan dagangan saham.</p> <p>Penyedia perkhidmatan pembrokeran ke atas dagangan saham perlu mengikrar nilai perkhidmatan yang dikecualikan di dalam penyata SST-02 di bahagian perkhidmatan bercukai yang dikecualikan, Butiran 18(c), Bahagian D.</p>

**BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA**